KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
*(Chief Executive Officer)*
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
*(Malaysian Qualifications Agency)*
www.mqa.gov.my
OFFICIAL : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
MQA Malaysia (@MQAMalaysia)
MQA_Malaysia

Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency
10th ANNIVERSARY 2007-2017

Tel : +603-7968 7044 | Faks : +603-7954 7125

NO GIFT POLICY

*Flexible Education. Beyond Borders. Creating The Future*

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jilid 2 (3)

Tarikh : 26 Januari 2018

**KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)**

Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING MQA BIL. 1/2018**

**PINDAAN TERHADAP SYARAT KELAYAKAN MASUK TAHAP DIPLOMA DALAM STANDARD PROGRAM: SAINS PERUBATAN DAN KESIHATAN**

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling MQA Bil. 2/2016 – Penggunaan Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan bertarikh 30 Jun 2016.

2. Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) telah menerima maklum balas daripada pihak berkepentingan tentang keperluan untuk meminda syarat kelayakan masuk bagi Diploma Tahap 4 Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF).

3. Menerusi penelitian bersama panel pakar bidang, MQA telah mencadangkan beberapa pindaan yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis MQA Bil. 8/2017 bertarikh 4 Disember 2017 seperti berikut:

| SYARAT KELAYAKAN MASUK (sebelum pindaan) | SYARAT KELAYAKAN MASUK (selepas pindaan) |
|---|---|
| **Semua subbidang kecuali subbidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) – Rujuk Pekeliling MQA Bil. 2/2016 bertarikh 30 Jun 2016.**<br><br>i) SPM atau setara dengan 5 kredit dalam mata pelajaran berikut:<br>• Bahasa Malaysia;<br>• Bahasa Inggeris;<br>• Matematik; | **Semua subbidang kecuali subbidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH), dan subbidang Pengurusan Penjagaan Kesihatan.**<br><br>i) SPM atau setara dengan LULUS Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dan mendapat 5 kredit dalam mata pelajaran berikut:<br>• Matematik; |

SOARING UPWARDS MALAYSIAN HIGHER EDUCATION
KUALA LUMPUR 2017 29TH SEA GAMES 9TH ASEAN PARA GAMES

| SYARAT KELAYAKAN MASUK (sebelum pindaan) | SYARAT KELAYAKAN MASUK (selepas pindaan) |
|---|---|
| • 1 mata pelajaran sains (Biologi/Fizik/Kimia/Sains Am/Sains Gunaan); dan<br>• Mana-mana 1 mata pelajaran lain. | • SATU mata pelajaran sains (Biologi/Fizik/Kimia/Sains Am/Sains Gunaan); dan<br>• Mana-mana TIGA mata pelajaran lain (termasuk Bahasa Melayu dan/atau Bahasa Inggeris sekiranya mendapat kredit). |
| ATAU | ATAU |
| ii) GCE/O Level atau setara dengan 5 Gred C dalam mata pelajaran berikut:<br>• Bahasa Inggeris;<br>• Matematik;<br>• 1 mata pelajaran sains (Biologi/Fizik/Kimia/Sains Am/Sains Gunaan); dan<br>• Mana-mana 2 mata pelajaran lain. | ii) GCE/O Level atau setara dengan LULUS Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dan mendapat 5 Gred C dalam mata pelajaran berikut:<br>• Matematik;<br>• SATU mata pelajaran sains (Biologi/Fizik/Kimia/Sains Am/Sains Gunaan); dan<br>• Mana-mana TIGA mata pelajaran lain (termasuk Bahasa Melayu dan/atau Bahasa Inggeris sekiranya mendapat kredit). |
| ATAU | ATAU |
| iii) Sijil berkaitan Sains Kesihatan dengan minimum PNGK 2.75. | iii) Sijil berkaitan Sains Kesihatan dengan minimum PNGK 2.75. |
| **Subbidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) – Rujuk Surat Pekeliling MQA Bil. 3/2016 bertarikh 2 November 2016.** | **Subbidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH), dan subbidang Pengurusan Penjagaan Kesihatan.** |
| i) SPM atau setara dengan 3 kredit dalam mata pelajaran berikut:<br>• Bahasa Malaysia;<br>• Bahasa Inggeris; dan<br>• Matematik atau 1 mata pelajaran sains (Biologi/Fizik/Kimia/Sains Am). | i) SPM atau setara dengan LULUS Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dan mendapat 3 kredit dalam mata pelajaran berikut:<br>• Matematik atau SATU mata pelajaran sains (Biologi/Fizik/Kimia/Sains Am); dan |

| SYARAT KELAYAKAN MASUK (sebelum pindaan) | SYARAT KELAYAKAN MASUK (selepas pindaan) |
|---|---|
| ATAU<br><br>ii) GCE/O Level atau setara dengan 3 kredit (Gred C) dalam mata pelajaran berikut:<br>• Bahasa Inggeris;<br>• Matematik; dan<br>• 1 mata pelajaran sains (Biologi/Fizik/Kimia/Sains Am/Sains Gunaan). | • Mana-mana DUA mata pelajaran lain (termasuk Bahasa Inggeris dan/ atau Bahasa Melayu sekiranya mendapat kredit).<br><br>ATAU<br><br>ii) GCE/O Level atau setara dengan LULUS Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dan mendapat 3 kredit (Gred C) dalam mata pelajaran berikut:<br>• Matematik atau SATU mata pelajaran sains (Biologi/ Fizik/ Kimia/ Sains Am); dan<br>• Mana-mana DUA mata pelajaran lain (termasuk Bahasa Inggeris dan/ atau Bahasa Melayu sekiranya mendapat kredit).<br><br>ATAU<br><br>iii) Sijil berkaitan Sains Kesihatan dengan minimum PNGK 2.50. |

4. Pindaan terhadap syarat kelayakan masuk tersebut **berkuat kuasa bermula daripada tarikh surat ini.**

5. Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web MQA, www.mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang ikhlas,

**(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)**
E-mel: rahmah@mqa.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
   Pejabat Ketua Setiausaha
   Kementerian Pendidikan Tinggi
   Aras 17, No. 2, Menara 2
   Jalan P5/6, Presint 5
   **62200 W.P. PUTRAJAYA**

2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
   Jabatan Pendidikan Tinggi
   Kementerian Pendidikan Tinggi
   Aras 9, No. 2, Menara 2
   Jalan P5/6, Presint 5
   **62200 W.P. PUTRAJAYA**

3. YBhg. Ketua Pengarah
   Jabatan Pendidikan Politeknik
   Kementerian Pendidikan Tinggi
   Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
   Persiaran Perdana, Presint 4
   **62100 W.P. PUTRAJAYA**

4. YBhg. Ketua Pengarah
   Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
   Kementerian Pendidikan Tinggi
   Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4w
   Persiaran Perdana, Presint 4
   **62100 W.P. PUTRAJAYA**

5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
   Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
   Kementerian Pendidikan Tinggi
   Aras 18, No. 2, Menara 2
   Jalan P5/6, Presint 5
   **62200 W.P. PUTRAJAYA**

6. SUSK YB Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
   Pejabat Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
   Kementerian Pendidikan Tinggi
   Aras 17, No. 2, Menara 2
   Jalan P5/6, Presint 5
   **62200 W.P. PUTRAJAYA**

7. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
**50450 W.P. KUALA LUMPUR**

8. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
**50250 W.P. KUALA LUMPUR**